

Media Title : Utusan Sarawak
Headline : Sarawak model terbaik keharmonian, perpaduan kaum
Date : 11 May 2022
Page : 12

Sarawak model terbaik keharmonian, perpaduan kaum

BELAGA: Sarawak khasnya di kawasan Belaga menjadi model terbaik dalam keharmonian dan perpaduan masyarakat berbilang kaum dan agama.

Ini boleh dilihat apabila masyarakat di situ menolak perbezaan pegangan masing-masing dengan turut sama merayakan satu-satu perayaan seperti Hari Raya, Jelas Ahli Parlimen Hulu Rajang, Datuk Wilson Ugak Kumbong.

Katanya, Belaga cukup unik dengan masyarakatnya boleh duduk semeja, malah ramai yang sudah berkahwin campur dan menjadi satu rumpun. Bercajak semasa menghadiri

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri 2022 di Kampung Melayu Belaga pada Isnin, Wilson Ugak menjelaskan penganjuran majlis seumpama itu sangat baik dalam mengeratkan hubungan siaturahim serta mewujudkan sikap toleransi yang menjadi tunjang kepada kekuatan dan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Sementara itu, Wilson Ugak yang juga Pengerusi Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Malaysia menyeru sokongan penduduk di Belaga sekiranya beliau dicalonkan semula pada Pilihan Raya Umum (PRU)



KENANGAN... Datuk Wilson Ugak Kumbong bergambar bersama orang ramai yang menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri 2022 di Kampung Melayu Belaga, baru-baru ini.

yang dijangka diadakan bila-bila masa. Dalam majlis tersebut, beliau turut menyumbang peruntukan sebanyak RM10,000 kepada pihak Jawatankuasa Kemajuan

dan Keselamatan Kampung Melayu Belaga untuk menganganjurkan majlis berkenaan.